

Zurich Malaysia dan Kumpulan Kenanga Jalin Kolaborasi Bagi Mengintegrasikan Perlindungan Melalui Platform Khidmat Nasihat dan Digital

Komitmen bersama bagi memastikan penyelesaian perlindungan sentiasa mudah diakses, relevan dan boleh disesuaikan mengikut peringkat kehidupan

Kuala Lumpur, 29 Januari 2026 – Zurich Malaysia dan Kenanga Investment Bank Berhad (“**Kumpulan Kenanga**”) telah memeterai satu kerjasama strategik bagi memperluaskan penyediaan penyelesaian insurans dan takaful yang merangkumi insurans am dan takaful, insurans hayat serta takaful keluarga, melalui saluran pengedaran berasaskan khidmat nasihat dan platform digital milik Kumpulan Kenanga.

Kerjasama ini mencerminkan komitmen bersama untuk menjadikan perlindungan sebagai elemen penting dalam perancangan kewangan dan pengurusan kekayaan secara holistik. Langkah ini juga bertujuan meningkatkan akses kepada penyelesaian yang relevan bagi membantu keperluan perancangan kewangan jangka panjang dan legasi pelanggan. Kerjasama ini juga dibangunkan berasaskan hubungan sedia ada antara Zurich Malaysia dan Kumpulan Kenanga, yang sebelum ini telah melaksanakan beberapa inisiatif bersama dalam bidang takaful dan pelaburan.

Jalinan kerjasama ini telah dimeterai secara rasmi dalam satu majlis yang dihadiri oleh Steven Choy, Pengerusi Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad dan Kenanga Investors Berhad; Junior Cho, Ketua Pegawai Eksekutif Negara Zurich Malaysia; Datuk Chay Wai Leong, Pengarah Urusan Kumpulan Kenanga Investment Bank Berhad; Datuk Wira Ismitz Matthew De Alwis, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif Kenanga Investors Berhad; serta barisan pengurusan kanan daripada kedua-dua organisasi.

Mengulas mengenai kerjasama tersebut, Junior Cho berkata, “Kerjasama ini dibina atas hubungan jangka panjang bersama Kumpulan Kenanga dan mencerminkan fokus bersama kami dalam menyediakan penyelesaian perlindungan yang lebih relevan serta mudah diakses. Melalui kerjasama ini, Zurich Malaysia dapat meluaskan komitmennya untuk Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna dengan membantu pelanggan di setiap peringkat kehidupan melalui pengalaman perancangan kewangan yang lebih bersepadu.”

Sementara itu, Datuk Chay Wai Leong berkata, “Kami percaya bahawa perlindungan merupakan elemen penting dalam perancangan kekayaan jangka panjang. Melalui kerjasama dengan Zurich Malaysia, kami dapat mengintegrasikan penyelesaian insurans dan takaful ke dalam ekosistem khidmat nasihat dan digital kami, sekali gus membolehkan kami menyediakan penyelesaian kewangan yang lebih holistik dan mudah diakses serta membantu pelanggan apabila keperluan mereka berubah mengikut peringkat kehidupan.”

Sejajar dengan kerjasama strategik ini, satu skim takaful berkumpulan yang komprehensif dan ditaja jamin oleh Zurich Malaysia akan ditawarkan secara eksklusif kepada pelanggan Kenanga Investors Berhad (“**Kenanga Investors**”), iaitu cabang pengurusan aset dan kekayaan Kumpulan Kenanga. Wakil Penasihat Kewangan Kenanga Investors kini boleh menawarkan penyelesaian insurans dan takaful yang lebih menyeluruh daripada Zurich Malaysia sebagai sebahagian daripada perbincangan dengan pelanggan, dan mencadangkan perlindungan yang selaras dengan matlamat individu, profil risiko dan peringkat kehidupan mereka.

Sinergi antara kepakaran perlindungan Zurich Malaysia dan strategi pelaburan Kumpulan Kenanga membolehkan penyediaan penyelesaian yang ringkas dan khusus. Antara inisiatif

Siaran Media

29 Januari 2026



utama yang dalam perancangan adalah pengintegrasian OnePRS oleh Kenanga ke dalam penawaran produk Zurich Malaysia sebagai salah satu pilihan untuk pelanggan. Inisiatif ini bertujuan memberikan pengalaman yang lebih lancar dengan menggabungkan pertumbuhan kekayaan dan pengurusan risiko secara menyeluruh. Pendekatan bersepadu ini juga memastikan pelanggan memperoleh manfaat daripada kepakaran pelaburan, insurans dan takaful bertaraf dunia di bawah satu platform.

Pada masa yang sama, dengan memanfaatkan platform digital dan kepakaran ekosistem Kumpulan Kenanga termasuk KDi GO, penyelesaian perlindungan Zurich Malaysia akan diintegrasikan ke dalam penawaran digital Kumpulan Kenanga. Langkah ini memberikan pelanggan satu titik permulaan yang lebih mudah untuk meneroka perlindungan sebagai sebahagian daripada pengalaman pelaburan mereka, dengan proses pendaftaran yang ringkas, mudah diakses dan mesra pengguna.

Melangkah ke hadapan, kedua-dua pihak akan meneroka peluang untuk memperkenalkan lebih banyak tawaran perlindungan mengikut kehendak dan situasi kehidupan pelanggan serta pencapaian kewangan mereka. Kerjasama ini juga akan membantu pasukan jualan dalam menangani keperluan perancangan yang semakin kompleks, sekali gus mewujudkan pengalaman yang lebih bersepadu melalui gabungan interaksi digital dan khidmat nasihat.

Secara keseluruhan, Kumpulan Kenanga dan Zurich Malaysia berhasrat untuk memperkukuh integrasi keupayaan pelaburan, khidmat nasihat dan perlindungan, serta menyediakan penyelesaian pelaburan, insurans dan takaful yang mudah diakses dan relevan bagi memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berubah sepanjang perjalanan kewangan mereka.

###

Disclaimer: The Master Prospectus, Disclosure Document, and Information Memorandum (including all supplemental and ancillary documents thereto) and the Product Highlight Sheet ("PHS"), have been registered and/or lodged with the Securities Commission Malaysia ("SC"), who takes no responsibility for its contents and related advertisement or marketing materials, does not indicate that the SC has recommended or endorsed the product/service. The material has not been reviewed by the SC. Investors have the right to request for a copy of PHS and other relevant product disclosure documents which are available at our office, at any authorised distributors and our corporate website before making investment decisions. If you are in doubt when considering the investment or any of the information provided, you are advised to consult a professional adviser. A Fund's track record does not guarantee its future performance. Kenanga Investors Berhad is committed to prevent conflict of interest between its various businesses and activities and between its clients/director/shareholders and employees by having in place procedures and measures for identifying and properly managing any apparent, potential and perceived conflict of interest by making disclosures to Clients, where appropriate. Kenanga Investors Berhad 199501024358 (353563-P).

Nota kepada editor:

Tentang Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga aset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my.

Siaran Media

29 Januari 2026



Mengenai Kenanga Investment Bank Berhad 197301002193 (15678-H)

Ditubuhkan lebih 50 tahun lalu, Kenanga Investment Bank Berhad (“**Kenanga**” atau “**Kumpulan Kenanga**”) merupakan sebuah kumpulan kewangan terkemuka di Malaysia yang menawarkan pelbagai perkhidmatan merangkumi pembrokeran ekuiti, perbankan pelaburan, perbendaharaan, perbankan Islam, derivatif tersenarai, pengurusan pelaburan, pengurusan kekayaan, pembiayaan berstruktur serta pembiayaan perdagangan. Inovasi digital Kumpulan Kenanga turut merangkumi pelancaran aplikasi berdasarkan kekayaan, KDi GO, serta produk berimpak tinggi seperti Rakuten Trade, platform pembrokeran saham digital sepenuhnya yang pertama di Malaysia, dan Kenanga Digital Investing, sebuah penasihat robo berasaskan kecerdasan buatan (AI).

Kumpulan Kenanga telah menerima pelbagai pengiktirafan berprestij, termasuk anugerah tertinggi di Anugerah Kecemerlangan Bursa 2024. Kumpulan Kenanga turut merangkul anugerah “Malaysia’s Best Bank for ESG” serta anugerah “Malaysia’s Best Bank for Diversity & Inclusion” di Anugerah Kecemerlangan Euromoney 2025, selain anugerah 20 Teratas Keseluruhan Kecemerlangan dan Anugerah Kecemerlangan Niche Cap di Anugerah National Corporate Governance and Sustainability 2024. Sebagai salah satu konstituen dengan skor tertinggi dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia serta Peserta United Nations Global Compact, Kenanga terus memacu kerjasama, inovasi dan kelestarian dalam industri kewangan.